

# Skim FPB budi bicara kerajaan

BH -  
15/2/2007

**P**UTRAJAYA: Keputusan sama ada Skim Faedah Pencen Bercarum (FPB) akan dilaksanakan atau tidak terletak sepenuhnya pada budi bicara kerajaan, kata Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam.

Beliau berkata, walaupun Cuepacs sebelum ini menyatakan bantahan mereka terhadap cadangan pelaksanaan skim FPB termasuk kali terakhirnya Isnin lalu, keputusan pelaksanaan skim itu terletak pada kerajaan.

Katanya, JPA akan mengemukakan pandangan bahawa Cuepacs tidak berminat terhadap skim FPB dan terpulang kepada kerajaan bagi menentukan perkara berkenaan.

Bagaimanapun katanya, JPA tiada menerima maklum balas bertulis daripada Cuepacs mengenai aspek yang mereka tidak berpuas hati dalam FPB, sebaliknya hanya diketahui melalui akhbar.

"Saya pun tak faham. Kita sudah memberi penjelasan secara terperinci. Kalau dia (Cuepacs) kata nak beri cadangan baru, kita tidak ada pun terima apa-apa cadangan.

"Yang penting ialah untuk penjawat awam baru, tidak membatikan yang sedia ada," katanya pada selepas majlis amanat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Abdul Raman Suliman, kepada 292 pelajar di bawah program Dasar Pandang Ke Timur di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan akhbar kelmarin bahawa Majlis Kongres Cuepacs yang bermesyuarat pada Isnin lalu, sebulat suara menolak skim FPB dicadangkan JPA membatikan kakitangan awam baru.